

Penyelidik UMS bangun modul STEM Covid-19

Izwan Abdullah
am@hmetro.com.my



MURID tadika melakukan aktiviti 'swab and see' menggunakan radas sains menerusi Modul STEM Covid-19 yang dihasilkan penyelidik UMS. FOTO Ihsan UMS

Kota Kinabalu: Sepasukan penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya membangunkan Modul Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Covid-19 yang mengaitkan pembelajaran bidang berkenaan dengan aspek kesihatan murid.

Modul berkenaan diusahakan kumpulan penyelidik Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS diketuai Ketua Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak FPP UMS, Dr Connie Cassy Ompok.

Connie berkata, modul berasaskan konsep STEM itu dihasilkan menggunakan Geran Penyelidikan Khas Pasca Covid-19 dalam usaha membantu guru mendidik murid mengenai kepentingan penjagaan kebersihan diri dan kesannya terhadap penaaakulan moral.

"Modul ini menggunakan pendekatan inkuiri bagi memberi peluang kepada murid mempelajari isu semasa seperti Covid-19 dan pada masa sama membabitkan diri secara aktif dalam penerokaan setiap aktiviti yang berkaitan pembelajaran STEM.

"Pembelajaran kesihatan ini membawa murid meneroka punca seseorang itu mudah dijangkiti penyakit dan kaedah yang boleh menghindarkan diri daripada dijangkiti penyakit," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Connie bersama penyelidik lain iaitu Dr Noraini Said dan Phreoza Dayzency Missie memilih membangunkan modul berkenaan di bawah bimbingan penasihat projek, Prof Datuk Dr Noraini Idris.

Ketika fasa pembangunan modul, Connie berkata, timbul persoalan mengenai strategi terbaik dalam memperkenalkan STEM kepada murid di samping membantu mereka untuk mengetahui amalan kebersihan yang perlu diterapkan.

"Bagi menjawab persoalan itu, murid didedahkan dengan 10 aktiviti berkaitan kebersihan diri menggunakan pembelajaran STEM, seterusnya membantu penaakulan moral seiring dengan perkembangan semasa fasa peralihan ke endemik Covid-19.

"Modul STEM Covid-19 ini turut membantu guru dalam memanfaatkan ruang bilik darjah sebagai makmal sains sekali gus membantu perkembangan murid secara holistik," katanya.

Menurutnya, modul berkenaan dinobatkan sebagai penerima pingat perak dalam Ekspo Kecemerlangan Rekacipta UMS 2020, selain mengharumkan nama UMS apabila digunakan dalam artikel 'International Conference on Art, Design, Education and Cultural Studies (ICADECS) pada 2 Jun 2021.

Katanya, guru atau ibu bapa yang berminat untuk mengakses modul berkenaan boleh melayari laman sesawang <https://online.anyflip.com/hkgyn/hcfd/index.html>.

Disiarkan pada: Jun 15, 2022 @ 1:50pm